

Pejabat Ahli Parlimen
20 Tmn Orkid
31100 Sg Siput U

8hb Januari 2018

Kepada
YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abdul Kadir
Menteri Besar Perak

Banjir di Kawasan Lintang-Lasah.

Sejak 2008, saya kerap menerima aduan terhadap banjir di kawasan Kg Trosor, Kg Makmur, Bandar Lintang, Kg Tok Sirat dan Kg Chior Lasah adalah antara kawasan yang mengalami kemasukan air banjir ke dalam rumah-rumah penduduk beberapa kali setiap tahun. Lebih kurang 50 buah rumah terlibat. Selepas mengkaji masalah ini saya percaya dua sebab utama bagi masalah banjir ini adalah -

1. Nisbah air hujan yang memasuki sungai dalam 2 jam selepas hujan (Surface run-off/aliran permukaan) telah meningkat

Pembangunan tanah dalam bentuk bangunan dan pembalakan meningkatkan saliran sungai selepas hujan. Nisbah air hujan yang dapat diresapkan ke dalam tanah berkurangan mendadak daripada 80% bila kawasan hutan asli ke 40% di kawasan yang telah dibalok ke hanya 15% di kawasan perumahan. Bila air hujan diresap ke dalam tanah ia hanya akan masuk ke sungai selepas 24 hingga 72 jam selepas hujan. Tetapi di kawasan perumahan 85% daripada air hujan masuk ke sungai dalam 1 atau 2 jam selepas hujan. Kolam tadahan di peringkat taman hanya melambatkan kemasukan air hujan ke sungai selama 1 atau 2 jam lagi sahaja.

2. Pemandapan pasir Sungai Pelus

Pemandapan pasir Sungai Pelus dan anak sungainya telah disebabkan oleh pembalakan di kawasan Ulu Lasah, pembukaan ladang-ladang besar di kawasan Lasah dan juga oleh projek-projek perumahan di Bandar Sg Siput. Bila sungai-sungai utama menjadi cetek ia tidak dapat menampung air hujan dan akibatnya adalah banjir

Langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan

A. Membersihkan sungai secara berterusan.

Sg Pelus perlu didalamkan dari kuala dengan Sg Perak hingga ke Kg Lasah. Satu unit harus ditubuhkan untuk menjalankan kerja ini sepanjang tahun. Pasir yang dikorek ataupun disedut daripada sungai tidak boleh diletak berdekatan tebing sungai tetapi harus dipindahkan ke satu

tempat lain. Jika pasir sungai ini dapat dijual kepada pihak kontraktor binaan, sebahagian besar kos kerja membersihkan sungai dapat ditampung.

Saya difahamkan bahawa syarikat Menteri Besar Incorporated (MBInc) telah diberi kontrak untuk melakukan pembersihan Sg Pelus pada hujung tahun 2016. Sejauh diketahui saya, MBInc hanya ada satu kapal menyedut pasir dan ini ditempatkan berdekatan Bandar Lintang sejak awal tahun ini. Sg Pelus perlu dibersihkan secara berterusan untuk seksyen sungai daripada Kg Lasah hingga ke kuala dengan Sg Perak – jaraknya lebih kurang 2 km. Jika MBInc tidak berupaya melakukan kerja ini, YAB harus mencari syarikat lain yang boleh melaksanakannya.

B. Kolam tadahan

a. Kolam tadahan harus dikorek untuk menampung air daripada ladang kelapa sawit di Ulu Chior Lasah. Bila kawasan ini dibangun sebagai perladangan memang ada cadangan untuk membina kolam tadahan air, tetapi ini tidak dilaksanakan. Kegagalan melaksanakan kolam tadahan menyebabkan pemendapan pasir Sg Chior Lasah dan banjir yang berulang kali. Kerajaan Negeri harus mengarah majikan ladang itu untuk membina kolam tadahan air dengan memakai se bahagian daripada tanah ladang itu.

b. Kolam-kolam tadahan juga perlu dikorek untuk menampung air hujan daripada anak sungai dari estet di belakang Bandar Lintang. Tanah swasta milik estet harus diambil oleh kerajaan dengan bayaran pampasan yang sewajarnya untuk tujuan ini.

c. Satu kajian harus dilaksanakan untuk memastikan samada satu kolam tadahan besar di kawasan Batu 6 dan 7 Jalan Lintang boleh dibina untuk mengendalikan air hujan dari Bandar Sg Siput yang masuk ke dalam Sg Kerдах. (Saya difahamkan bahawa pokok kelapa sawit tidak dirosakkan dengan banjir sekali sekala.)

C. Mengubahsuai pintu “flap” bagi longkang

Adanya 7 longkang utama yang mengalir ke Sg Pelus di kawasan Bandar Lintang. Masalahnya adalah, pada takat ini pintu “flap” untuk 3 daripada longkang ini telah binasa oleh kayu-kayu besar hasil pembalakan. Bila pintu “flap” tiada, air sungai akan masuk ke dalam longkang dan membanjiri bandar. Cara mengatasi masalah ini adalah untuk membina pelindung konkrit untuk setiap 7 longkang utama di Lintang.

D. Penempatan semula 12 buah rumah di Kg Tok Sirat

Rumah-rumah ini mengalami banjir yang masuk ke dalam rumah 6 kali setahun ataupun lebih. Mereka semua keluarga miskin dan kekerapan banjir merupakan satu beban kewangan yang besar. Pakaian, perabot dan peralatan elektrik dirosak dan mereka terpaksa ambil cuti untuk beberapa hari setiap kali dibanjiri. Mereka harus dipindahkan ke tanah tinggi yang bersebelahan dengan Dewan Orang Ramai dengan pengambilan tanah swasta (dengan bayaran pampasan yang adil) oleh pihak kerajaan.

E. Hentikan pembalakan di kawasan Ulu Lasah dan Memulihkan kawasan yang telah dibalak.

Pembalakan di kawasan Lasah harus dihentikan dengan serta merta. Selain daripada menyebabkan pendedapan sungai dan banjir, pembalakan juga memusnahkan ekonomi tradisi masyarakat Orang Asli dan mengancam cara hidup mereka.

Pemulihan kawasan yang telahpun dibalak dengan penanaman pokok dan tumbuhan lain terutamanya di tebing-tebing sungai amat penting kerana ini akan mengurangkan hakisan tanah. Kerajaan Negeri harus memperuntukkan dana yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja memulihkan hutan. Mungkin NGO yang mementingkan alam sekitar boleh diberi kontrak melaksanakan kerja ini.

Saya harap syor-syor di atas akan diambil berat oleh Kerajaan Negeri. Saya sedia menghadiri sebarang sesi perbincangan berkaitan masalah ini.

Terima kasih.

Yang benar,

.....

Dr Jeyakumar Devaraj
(0195616807)